

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester kedua

Sidang Akademik 1999/2000

Februari 2000

HMT 322 – Aspek-Aspek Teori Linguistik Am dan Penerapannya

Masa: [3 jam]

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNG LAPAN [8] SOALAN DI DALAM ENAM [6] HALAMAN.

Jawab LIMA [5] soalan sahaja, SATU [1] soalan dari setiap bahagian A, B , C dan D; dan SATU [1] soalan lagi dari mana-mana bahagian A, B, C dan D.

BAHAGIAN A

Jawab setiap bahagian dalam soalan 1 atau soalan 2

1. Dengan merujuk kepada carta 1 di bawah dan menggunakan akhiran jamak *-ler* selepas vokal-vokal depan dan *-lar* selepas vokal-vokal yang lain -lain; akhiran genitif *-in*, *-un*, atau *-ün*; salin rajah di bawah dan isikan ruang-ruang yang tersedia dengan Kata Akar + Kata Jamak dan Kata Akar + Kata Genetif yang sesuai. Pemilihan harus mencerminkan vokal-vokal tersebut sebagai dua sistem dan cara bagaimana pilihan fonemik-fonemik dikekang oleh operasi keselarasan.

Kata akar	Makna	Kata Akar + Kata Jamak	Kata Akar + Kata Genetif
(i) kedi	kucing		
(ii) ev	rumah		
(iii) kiz	anak perempuan		
(iv) adam	lelaki		
(v) gun	hari		
(vi) ulus	bangsa		

CARTA 1. VOKAL-VOKAL BAHASA TURKI

(a) SISTEM PENUH (dalam suku kat awal kata akar)

		Depan		Tengah / Belakang	
		Tak Bundar	Bundar	Tak Bundar	Bundar
Tinggi	i	ü	i	u	
Rendah	e	ö	a	o	

(b). SUBSISTEM (dalam suku kata bukan awal termasuk akhiran-akhiran)

Tinggi	I
Rendah	A

I hadir sebagai /i/, /y/, /ɨ/ atau /u/ berdasarkan kepada keselarasan.

A hadir sebagai /e/ atau /a/ berdasarkan kepada keselarasan.

- b. Dengan merujuk kepada carta 1 dan menggunakan vokal penggalan segmental /V/ bagi vokal tinggi (tidak ditetapkan untuk pendepanan atau pembundaran), /A/ bagi vokal rendah atau bukan tinggi (bukan depan), superscript /ᵩ/ bagi pendepanan dan superscript /ᵻ/ bagi pembundaran; transkripsikan bunyi-bunyi suprasegmental dalam bahasa Turki yang berikut berdasarkan teori prosodi fonologi Firth:

- i. *gülüm*
- ii. *ulusum*
- iii. *kolun*
- iv. *gözün*

c. Prosodi-prosodi menurut gaya Firthian tidak terbatas kepada komponen-komponen terperinci tetapi juga merangkumi fenomena pembatas pelbagai jenis, seperti 'R jengul' /r/ dalam bahasa Inggeris atau hentian glotis [?] dalam bahasa Jerman. Berdasarkan kepada fenomena pembatas pelbagai jenis Firth, di manakah harus anda memasukkan lambang 'R jengul' /r/ dalam perkataan-perkataan bahasa Inggeris yang berikut:

- i. Drawing
- ii. Banana oil

dan lambang hentian glotis [?] dalam perkataan bahasa Jerman yang berikut:

- iii. Beamte (rasmi)

Nyatakan juga sebab-sebab kenapa anda perlu berbuat demikian.

2a. Susunkan unit tatabahasa dan fonologi bagi bahasa Inggeris dan bahasa Malaysia yang berikut menurut skala pengikut saiz atau bentuk tatatingkat :

- i. frasa, ayat, morfem, kata, klausa
- ii. sukukata, kumpulan tona, fonem, "feet"

b. Bagaimanakah harus anda menganalisis struktur ayat-ayat yang berikut menurut skala tatatingkat:

- i. Mereka menikmati durian
- ii. Ya

c. Nyatakan struktur asas frasa yang berikut dan bezakan kehalusan kelas elemen-elemen di dalam kedua-dua frasa tersebut:

- i. the two able craftsmen
- ii. these two ablest craftsmen

- d. Masukkan lambang [] = frasa terpindah tingkat atau / dan [[]] = klausa terpindah tingkat ke dalam ayat dan frasa yang berikut sertauraikan istilah "perpindahan tingkat" dengan menggunakan ayat dan frasa tersebut sebagai contoh:
- i. di bawah pohon rambutan di kebun kita
 - ii. I admitted him to my house; the man whom I admitted to my house was in fact an escaped convict
- e. Bagaimanakah harus anda menganalisis penggolongan yang berikut menurut skala tatatingkat, skala kehalusan dan skala realisasi: kata kerja transitif, kata kerja, predikat?

BAHAGIAN B

Jawab **SATU [1]** soalan dari Bahagian B.

3. Apakah yang anda faham dengan konsep-konsep yang berikut:
 - (a) tertiban perkataan atau tertiban elemen bahasa
 - (b) dinamisme komutatif
 - (c) praandaian
 - (d) pohon pautan
4. Buatkan rajah pohon pautan bagi ayat-ayat yang di bawah ini dan berikan hubungan semantik di antara cabang-cabang pohon anda. Jika kamu berikan nama hubungan kamu sendiri nyatakan mengapa kamu pilih nama itu.
 - (a) Ali berbual
 - (b) Siti memasak nasi.
 - (c) Vimala membakar kueh di dapur.
 - (d) Tadi dia pergi ke Dewan Budaya dengan anaknya.
 - (e) Dengan hati terbuka, dia menerima cadangan itu.

.../5-

BAHAGIAN C

Jawab **SATU [1]** soalan sahaja daripada Bahagian C.

5. (a) Terangkan maksud ‘variasi bebas’, ‘saling melengkapi’, ‘pasangan analagus’.
- (b) Apakah maksud sesuatu segmen itu fonemik?
- (c) Dengan menggunakan contoh-contoh:
- (i) Apa yang anda fahami dengan suku kata serta berikan struktur suku kata yang utama dalam bahasa Malaysia?
 - (ii) Apakah antara kontur intonasi yang lazim dalam ayat-ayat bahasa Malaysia?
 - (d) Apa dia bunyi-bunyi suprasegmental dan signifikankah bunyi-bunyi tersebut dalam bahasa Malaysia?
6. (a) Apakah perbezaan yang utama antara fonologi struktur dengan fonologi generatif?
- (a) Dengan contoh-contoh, huraikan dengan ringkas proses morfologi dalam bahasa Malaysia.
- (b) Apa maksud ‘pasif’ dalam ayat-ayat bahasa Malaysia, kemudian dengan menggunakan X-berpalang berikan derivasi ayat-ayat berikut:
- (i) Cawan-cawan itu belum berbasuh lagi.
 - (ii) Pintu itu masih terbuka.
 - (iii) Kambing itu kena pagut ular.
 - (iv) Buku itu pernah ku baca tahun lalu.
 - (v) Wayang Hindi disukai ramai di sini.

BAHAGIAN D

Jawab **SATU [1]** soalan daripada Bahagian D.

7. Dengan menggunakan contoh daripada bahasa Austronesia atau bahasa Indo-Eropah huraikan konsep hubungan kekerabatan antara bahasa dalam linguistik historis komparatif.

[20 markah]

8. Dengan menggunakan contoh daripada bahasa Austronesia atau bahasa Indo-Eropah huraikan sama ada (a) atau (b).

- (a) Perubahan bahasa dan hukum bunyi

[20 markah]

ATAU

- (b) Sebab-sebab berlaku perubahan bahasa.

[20 markah]

- oooOOOooo -